

**UCAPAN YANG BERBAHAGIA  
DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI  
DI MAJLIS SIRI CERAMAH TAHUNAN  
ANJURAN PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA  
DI HOTEL EASTIN, PETALING JAYA, SELANGOR  
PADA HARI KHAMIS, 15 JULAI 1999  
JAM 4.45 PETANG**

---

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di majlis yang permai pada petang ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) kerana sudi menjemput saya dan seterusnya memberi sepatah dua kata di majlis ini. Di samping itu, ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Presiden dan Ahli-ahli Lembaga PSWM kerana daya usaha mengadakan siri ceramah tahunan ini yang telah pun dilancarkan sejak tahun 1981 lagi.

2. Saya berpendapat acara ceramah tahunan seperti ini dapat memberi manfaat kepada bukan sahaja kaum wanita tetapi kepada sesiapa juga yang berpeluang menghadirinya kerana tema-tema yang dipilih khas untuk siri ceramah ini seringkali menarik dan menepati citarasa ahli-ahli PSWM khasnya dan hadirin amnya. Kali ini kita bertuah dapat mendengar ceramah oleh H.E. Duta Besar Thailand ke Malaysia yang akan berkongsi pengalaman beliau dalam usaha memupuk hubungan yang erat antara negara Thailand dengan Malaysia. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada H.E. Ms. Suchitra Hiranprueck di atas kesudian beliau memberi ceramah pada kali ini.

3. Pada hari ini juga kita sekali lagi dapat menyaksikan satu usaha murni PSWM terhadap merealisasikan misinya untuk mewujudkan Kursi Dr. Siti Hasmah bt Mohd. Ali di Universiti Malaya sebagai menghormati sumbangan dan kejayaan wanita Malaysia dalam bidang teknologi yang baru muncul. Syabas dan tahniah diucapkan kepada PSWM, semoga usaha murni ini akan menjadi contoh dan teladan kepada persatuan-persatuan wanita yang lain dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan kaum wanita selaras dengan objektif Dasar Wanita Negara.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaya atas persetujuan mewujudkan kursi ini.

4. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia kerana menamakan kursi itu dengan nama saya. Saya menerima penghormatan ini dengan rasa rendah hati dan berharap usaha ini akan turut memberi penghargaan kepada wanita akademik yang akan menjadi penerima anugerah kursi ini.

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, yang dalam usaha mencari derma bagi membiayai kursi ini, telah menulis biografi diri saya. Sesungguhnya usaha ini amat saya hargai, dan saya merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat, terutama enam orang penulisnya serta tiga orang editor, yang saya difahamkan telah bertungkus-lumus menyiapkannya, juga penghargaan saya kepada pihak yang telah gigih mengusahakan versi Bahasa Inggeris biografi ini.

6. Akhir sekali, saya mendoa agar PSWM akan terus aktif dan dapat menjadi adah dalam memberi perangsang serta dorongan kepada siswazah-siswazah wanita ke arah kesedaran dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara kita yang tercinta. Saya mendoakan agar PSWM akan terus maju jaya dalam mencapai wawasannya.

\*\*\*\*\*